

Pembantu tadbir sekolah di Balleh mengaku tidak bersalah pecah amanah RM134,582

KAPIT: Seorang pembantu tadbir wanita sebuah sekolah di Sungai Sut, Balleh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 24 pertuduhan pecah amanah membabitkan wang milik sekolah berjumlah RM134,582.20.

Tertuduh, 33, membuat pengakuan tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan di hadapan Hakim Musyiri Peet yang kemudian menetapkan 2 Mac depan sebagai tarikh

pengurusan kes.

Sementara itu, mahkamah turut membenarkan tertuduh bebas dengan ikat jamin sebanyak RM10,000 dan RM8,000 dalam bentuk deposit tetap, dengan dua penjamin yang mempunyai alamat tetap bagi kesemua pertuduhan itu.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan pecah amanah itu antara 14 Julai 2023 dan 4 Januari 2024 dengan wang tersebut telah digunakan oleh tertuduh untuk

kegunaan peribadi.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 408 Kanun Keseksaan, yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih 14 tahun serta dengan sebatan dan juga denda.

Pendakwaan kes dikenalalukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Cynthia Emmelda Jerry sementara tertuduh tidak diwakili.